

→ AGAMA

Islam jamin hak wanita bersuara

Komentari



Prof Madya Dr Norlida Hanim Mohd Salleh

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)



Sensitiviti isu agama dan bangsa perlu dijaga, manakala suara wanita perlu dilontarkan sewajarnya pada tempatnya. 'Diam tanda setuju' tidak lagi wajar digunakan kini khasnya buat wanita kerana suara mereka perlu didengari. Ini tidak bermaksud semua wanita perlu lantang bersuara dan menjerit sesuka hati, namun cukup menggunakan peluang dengan penuh hikmah"

Kebebasan bersuara dalam menyatakan pandangan tanpa halangan atau batasan, diiktiraf sebagai hak asasi manusia tanpa mengira jantina, agama, kaum atau pangkat sama ada melalui lisan, tulisan, slogan, lakonan atau ekspresi diri.

Namun, terdapat anggapan Islam menyekat hak kebebasan bersuara terutama wanita hingga mereka dipercayai menjadi mangsa penindasan dan kezaliman di bawah kepimpinan lelaki. Media Barat sering memainkan peranan mencorakkan imej stereotaip wanita sebagai mangsa yang ditindas, terpicil, ditakluk, dieksploitasi dan dianiaya.

Media selalu menonjolkan wanita Islam secara tradisinya tunduk dan patuh akan adat serta tradisi patriarki tanpa mempertimbangkan hakikat mereka mempunyai hak untuk berpendidikan tinggi dan berkerjaya. Sebaliknya, wanita tetap menjadi subjek dalam perbalahan teks agama dan dimanipulasi sebagai objek kerana perbezaan dalam budaya dan tradisi.

Tidak dinafikan terdapat beberapa amalan menidakkan suara wanita dan 'memaksa' supaya wanita berdiam diri. Namun, ia tidak berteraskan Islam kerana Nabi SAW tidak pernah menghalang isteri dan anak perempuan Baginda serta sahabat wanita RA yang sezaman dengan Baginda untuk bebas bersuara.

Wanita pada zaman Rasulullah SAW mendapat bimbingan secara langsung daripada Baginda. Mereka menggunakan hak kebebasan suara untuk meluahkan isi hati selagi perkara itu tidak menyalahi agama.

Antara wanita wajar dijadikan contoh ialah isteri Rasulullah

SAW, Saidatina Aisyah Abu Bakar RA yang meriwayatkan sejumlah hadis yang besar setanding dengan Abu Hurairah RA dan Ibnu Umar RA. Beliau meriwayatkan 2,210 hadis dengan 174 daripadanya disepakati Imam Bukhari dan Muslim.

Aisyah menjadi rujukan utama sahabat dan tabiin (pengikut) serta memiliki daya kefahaman tinggi dalam pelbagai ilmu termasuk al-Quran, sunnah, fiqh dan fira'id. Beliau juga mahir dalam syair dan kesenian Islam.

Abu Musa al-Ashari RA berkata: "Kami pernah tidak dapat menyelesaikan satu masalah dan apabila diajukan kepada beberapa sahabat RA yang pakar dalam ilmu hadis, tidak ada sesiapa pun dapat memberi jawapan kecuali Aisyah."

Kebebasan bersuara

Aisyah menggunakan hak kebebasan bersuara untuk menyampaikan kebenaran dan berusaha mencegah kemungkaran. Namun beliau tidak pernah mengambil kesempatan terhadap kedudukan sebagai isteri Nabi untuk berbangga dan berdusta.

Selain itu, Ummu Salamah terkenal dengan kisah mendapat jawapan langsung daripada wahyu yang direkodkan dalam al-Quran. Beliau bertanya beberapa soalan kepada Rasulullah SAW disebabkan sikap cemburu terhadap kedudukan lelaki yang dilihat mempunyai keistimewaan berbanding wanita.

Allah SWT menurunkan tiga ayat al-Quran, iaitu ayat ke-9 dan ke-35 dalam surah al-Maidah serta ayat ke-118 dalam Surah al-Taubah yang menyatakan perbezaan jantina bukan penentu kehebatan seseorang, sebaliknya amalan dan ketaqwaan yang akan dinilai Tuhan.

Ummu Salamah juga isteri Rasulullah SAW yang bernikah dengan Baginda setelah suaminya, Abu Salamah ibnu Abdul Asad al-Makhzumi meninggal dunia pada tahun ke-4 Hijrah. Ummu Salamah meriwayatkan 378 hadis yang dihafaz dengan baik, manakala 13 daripadanya direkodkan dalam Sahih Bukhari dan Sahih Muslim.

Contoh lain boleh dilihat dalam kisah Khansa' Khidam al-Ansariyyah yang menyatakan tidak setuju ke atas tindakan bapanya yang ingin mengahwinkannya tanpa keizinannya biarpun janda. Khansa' mengadu kepada Rasulullah SAW yang membatalkan pernikahan itu dan memintanya membuat pilihan.

Asma Shagal Ansariyyah RA pula ialah wanita yang sangat suka bertanya kepada Rasulullah SAW sehingga membuat Baginda tersipu malu. Kebanyakan soalnya berkaitan hal wanita seperti haid tetapi Nabi SAW tetap menjawab dan meminta bantuan Aisyah untuk menerangkan secara terperinci. Wanita Ansar suka bertanya bukan kerana untuk menguji, sebaliknya mendapat kepastian daripada Baginda.

Sikap berani bertanya dan bersuara ialah keistimewaan wanita berketurunan Ansar. Malu tidak menghalang mereka untuk belajar lebih banyak daripada Nabi SAW seperti yang dinyatakan Aisyah: "Wanita terbaik ialah wanita Anr. Malu tidak menghalang mereka daripada menjadi beragama mengenai agama mereka." (HR Bukhari)

Di negara ini, hak untuk bersuara, berekspresi atau mengutarakan pandangan terpelihara di bawah Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan. Namun, hak

itu tidak boleh digunakan sewenang-nangnya tanpa membezakan antara kebenaran dengan kebatilan.

Sensitiviti isu agama dan bangsa perlu dijaga, manakala suara wanita perlu dilontarkan sewajarnya pada tempatnya. 'Diam tanda setuju' tidak lagi wajar digunakan kini khasnya buat wanita kerana suara mereka perlu didengari. Ini tidak bermaksud semua wanita perlu lantang bersuara dan menjerit sesuka hati, namun cukup menggunakan peluang dengan penuh hikmah.

Perjuangkan hak

Suara wanita ialah kunci utama memainkan peranan penting dalam perjalanan memperjuangkan hak mereka. Siapa lagi yang mahu mempertahankan hak itu melainkan golongan terbabit sendiri.

Islam biarpun memberi hak kebebasan untuk bersuara, Rasulullah SAW berpesan untuk menjaga lidah dan adab tutur kata.

Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa beriman kepada Allah dan Akhirat, maka hendaklah dia berkata yang baik atau - kalau tidak dapat berkata yang baik - hendaklah berdiam diri saja." (Muttafaq 'alaih)

Daripada Sahl Sa'ad RA, Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa yang dapat menjamin kepadaku mengenai kebajikannya apa yang ada antara kedua tulang rahangnya - mulut atau lidah - serta antara kedua kakinya - kemaluannya, maka aku memberikan jaminan syurga untuknya." (Muttafaq 'alaih)

Peringatan itu sebenarnya tidak dikhususkan kepada wanita sahaja, sebaliknya lelaki juga perlu menjaga adab dalam menunaikan hak kebebasan bersuara.